



جَابَاتُنْ كَمَا جُوانْ إِسْلَامْ مَلِيسِيَا

JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA (JAKIM)

Blok A & B, Kompleks Islam Putrajaya
No. 23, Jalan Tunku Abdul Rahman,
Presint 3, 62100 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : 603-8870 7000
Faks : 603-8870 7707
Portal Rasmi : www.islam.gov.my

Ruj. Kami: JAKIM.100-7/2/4 Jld.8 (51)

Tarikh : 4 September 2026
22 Rabiulawal 1448

Ketua Pengarang Media Massa
(u.p: Editor tugasan)

Assalamualaikum Wrh. Wbt. dan Salam Sejahtera.

Tuan/Puan,

LIPUTAN MEDIA BERSEMPENA MAJLIS PERASMIAN PROGRAM MADANI KITA (PMK) 2026 LEMBAH PANTAI, KUALA LUMPUR

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dengan kerjasama Bahagian Dakwah akan menganjurkan **Program MADANI Kita (PMK) 2026 Lembah Pantai, Kuala Lumpur** yang akan dirasmikan oleh **YB Senator Dr. Zulkifli bin Hasan, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama)**.

3. Sehubungan dengan itu, semua pengamal media adalah dijemput hadir bagi membuat **liputan media** dengan berpakaian yang **menutup aurat** serta memakai **tag MEDIA** yang dikeluarkan oleh pihak JAPEN pada ketetapan seperti berikut:

Tarikh : 6 September 2026 (Ahad)
Masa : 11.40 pagi
Tempat : Dewan Pusat Komuniti Lembah Pantai
Jalan Pantai Permai, Kampung Kerinchi, Kuala Lumpur

4. Bersama-sama ini disertakan **atur cara majlis perasmian** untuk perhatian tuan/puan. Sebarang pertanyaan berkaitan perkara ini pihak tuan/puan boleh menghubungi **Encik Rashidi bin Salleh, Penolong Pengarah Kanan, Unit Komunikasi Korporat JAKIM** melalui talian **03-8870 7708** atau **017-4668345**.

Kerjasama dan perhatian pihak tuan/puan berhubung perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian,

"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(NURSYAZRIN BINTI NAZEE MUDEEN)

Ketua
Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Pengarah
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia



ATUR CARA
MAJLIS PERASMIAN PROGRAM MADANI KITA (PMK) 2026
LEMBAH PANTAI, KUALA LUMPUR
6 September 2026 / 24 Rabiulawal 1448 (Ahad)
Dewan Pusat Komuniti Lembah Pantai, Jalan Pantai Permai,
Kampung Kerinchi, Kuala Lumpur

11.40 pagi	:	Ketibaan dif-dif jemputan Ketibaan dif-dif Kenamaan
11.55 pagi	:	Ketibaan YB Senator Puan Marhamah Rosli Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama)
12.00 tengah hari	:	Ketibaan YB Senator Dr. Zulkifli Hasan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama)
	:	Sesi walkabout ke reruai
12.30 tengah hari	:	Nyanyian Lagu Negaraku dan Lagu Maju & Sejahtera
	:	Bacaan doa
	:	• Jamuan Rakyat • Tayangan video • Persembahan Khas Mawi
	:	Ucapan Perasmian oleh: YB Senator Dr. Zulkifli Hasan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama)
	:	Penyampaian Sumbangan : • Institusi Masjid • Bakul Makanan • Tabung Musaadah
	:	Penyampaian hadiah
	:	Sesi bergambar
2.00 petang	:	YB Senator Dr. Zulkifli Hasan, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) dan dif-dif kenamaan meninggalkan majlis
	:	Majlis perasmian selesai dan program diteruskan dengan pengisian pentas